

Mazlan ketika membakar lasagna semasa majlis perasmian Syarikat Honey Melon World Sdn Bhd.



UMT bantu usahawan PKS jana pendapatan

Pembukaan pusat pemprosesan makanan bantu lahirkan pelbagai produk berkualiti, halal

BH/19.03.24/MKS 22

Oleh Amirul Salam Hasan
bhpendidikan@bh.com.my

Kuala Terengganu: Universiti Malaysia Terengganu (UMT) serius membantu usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dalam menjana pendapatan.

Hal ini boleh dilihat dengan usaha mereka membuka pusat pemprosesan makanan yang berupaya mengeluarkan pelbagai produk-produk berkualiti dan dijamin halal.

Naib Canselor, Prof Datuk Dr

Mazlan Abd Ghaffar, berkata, pusat itu berupaya memberikan kemudahan dan persediaan kepada usahawan bagi mengembangkan lagi perniagaan melalui jalinan kerjasama membabitkan kepakaran UMT dalam mencipta produk baharu.

“Pembukaan pusat itu bagi menyokong usahawan bidang penghasilan makanan bagi mengeluarkan produk makanan baharu seperti lasagna daging, jus melon manis juga ais krim.

“Selain menghasilkan produk makanan terkini, pusat itu juga berperanan sebagai hub bagi penganjuran program Latihan Pembuatan Produk Makanan,” katanya sempena Majlis Perasmian Pusat Pemprosesan Makanan Inovatif milik syarikat pemula UMT, Syarikat Honey Melon World Sdn Bhd.

Tambah Mazlan, pembukaan pusat pemprosesan makanan juga dapat menggalakkan lahir lebih ramai usahawan dalam kalangan belia, pelajar dan juga memberi galakan kepada rakyat tempatan

menceburi bidang perniagaan.

Bantu masyarakat

Katanya, UMT sentiasa berusaha untuk membantu masyarakat melalui pemindahan ilmu dan kepakaran dalam bidang keusahawanan serta pengkomersialan produk inovatif hasil daripada penyelidikan yang kompeten.

Pembukaan pusat pemprosesan makanan itu juga katanya bakal membuka peluang pekerjaan baharu kepada komuniti setempat dan merencanakan lagi aktiviti ekonomi di kawasan Manir secara khasnya selain memberi manfaat yang besar kepada usahawan PKS.

“Komitmen bersama antara Yayasan Pembangunan Usahawan Pusat Terengganu dan syarikat ‘start-up’ UMT, banyak kejayaan boleh dicapai.

“Berkat usaha dan keazaman penyelidik UMT yang berterusan serta kerjasama yang utuh dibagikan oleh yayasan, kita berjaya menghasilkan pelbagai produk makanan,” katanya.